

05 SEP 2001

Syed Hamid-Singapura

M'SIA SETUJU TUKAR TANAH KTMB DENGAN SINGAPURA

PUTRAJAYA, 5 Sept (Bernama) -- Malaysia bersetuju menyerahkan tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Tanjong Pagar kepada Singapura sebagai ganti mendapat tanah yang sama nilai di kawasan Shentonway di republik berkenaan, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika mengulas persetujuan yang dicapai pada perbincangan dua hala antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew di sini semalam.

Syed Hamid berkata kerajaan Malaysia juga bersetuju Singapura membayar pampasan ke atas 12 bidang tanah milik KTMB oleh Singapura.

Bagaimanapun pegawai dari kedua-dua negara perlu berbincang mengenai harga tanah berkenaan, katanya selepas menerima kunci kompleks baru Kementerian Luar bernilai RM170 juta daripada Pengerusi Putrajaya Holding Prof Datuk Zainuddin Muhammad. Pembangunan tanah milik KTMB di Singapura adalah antara isu yang tercatat dalam Perkara-perkara Perjanjian atau POA yang ditandatangani antara bekas menteri kewangan Tun Daim Zainuddin dengan Lee pada tahun 1990.

Pada tahun 1998, isu tanah KTMB menjadi kontroversi apabila kerajaan Singapura mengumumkan keputusannya untuk memindahkan pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin di stesen KTMB di Tanjong Pagar ke Woodlands pada 1 Ogos 1998, sementara kerajaan Malaysia mahu mengekalkan pusat itu di tempat asal.

Menurut Syed Hamid perbincangan dua hala semalam turut bersetuju mengenai isu pembekalan air oleh Malaysia kepada Singapura selepas 2061, penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura dan pengeluaran wang caruman dari Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura oleh pekerja dari Semenanjung Malaysia.

Persetujuan pembekalan air ke Singapura itu ialah untuk tempoh 100 tahun lagi bermula dari 2061.

Semalam Lee berkata Malaysia setuju membekalkan 350 juta gelen air sehari (1 gelen bersamaan 4.5 liter) kepada Singapura selepas tahun 2061, iaitu 100 juta gelen air mentah dan selebihnya air yang akan diproses secara usahasama.

Singapura menawarkan membayar 45 sen bagi setiap 1,000 gelen air mentah dari Malaysia sehingga 2061, berbanding harga sekarang sebanyak 3 sen.

Selepas 2061, Singapura akan membayar 60 sen bagi setiap 1,000 gelen dan kadar itu akan dikaji semula setiap lima tahun.

Menyentuh penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura, Syed Hamid berkata apa yang diminta oleh Singapura adalah untuk menggunakan ruang udara negara sebagai laluan bagi jet-jet pejuangnya ke kawasan latihan mereka di Laut China Selatan.

Syed Hamid berkata mesyuarat kabinet hari ini turut bersetuju dengan pencapaian perbincangan semalam yang berjaya menyelesaikan semua isu tertangguh melibatkan kedua-dua negara.

"Prinsipnya telah dipersetujui dan kini apa yang diperlukan ialah untuk menyediakan segala butiran," katanya.

Beliau berkata: "Paling penting (ialah) untuk mencapai persetujuan bagi menyelesaikan perkara yang tertangguh antara Malaysia dan Singapura yang kadangkala mengganggu perhubungan dua hala antara kedua-dua negara."

Syed Hamid menyifatkan pencapaian semalam sebagai tanda jelas penyelesaian dan apa yang perlu dilakukan sekarang ialah menyelesaikan

perkara yang melibatkan soal harga dan pembangunan.

" Apa yang perlu dilakukan ialah meletakkan dalam perkataan, dan juga syarat-syarat yang dapat diterima pakai oleh kedua-dua negara untuk Perdana Menteri kedua-dua negara menandatangani satu perjanjian yang dapat memuktamadkan apa sahaja perselisihan yang telah timbul," katanya.

Syed Hamid berkata selepas perbincangan semalam Kementerian Luar telahpun menyediakan laporan mengenai syor yang dikemukakan oleh kedua-dua negara sebagai asas kepada perjanjian yang akan diadakan.

Laporan mengenai perbincangan itu akan dikemukakan kepada Dr Mahathir sebelum dirujuk kepada kerajaan Singapura untuk tindakan selanjutnya, katanya.

Beliau berkata kesemua persetujuan itu akan dimuatkan dalam satu pakej perjanjian untuk ditandatangani dan bukannya secara berasingan.

-- BERNAMA

HK AHH RON